

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
9 FEB 2022 (RABU)**



**Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022
kawal selia ruang angkasa**



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

09/02/2022 03:11 PM

PUTRAJAYA, 9 Feb -- Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] yang diwartakan pada 25 Jan lepas akan diguna pakai bagi mengawal selia ruang angkasa serta menubuhkan Lembaga Angkasa Malaysia untuk mengawal selia aktiviti berkaitan angkasa, kata Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

MOSTI dalam kenyataan hari ini berkata Rang Undang-Undang (RUU) Lembaga Angkasa Malaysia diluluskan Dewan Negara pada 9 Dis lepas dan telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 19 Jan sebelum diwartakan sebagai Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 pada 25 Jan.

Menurut MOSTI akta itu menetapkan empat kaedah kawal selia aktiviti angkasa iaitu lesen untuk mengawal aspek keselamatan bagi aktiviti berkaitan angkasa; dan permit pelancaran bagi penyedia perkhidmatan pelancaran yang menjalankan aktiviti pelancaran objek angkasa dari fasiliti pelancaran di dalam Malaysia.

Kaedah kawal selia lain adalah perakuan pelancaran bagi pemilik objek angkasa yang melancarkan objek angkasa dari fasiliti pelancaran di dalam dan di luar Malaysia; serta pendaftaran objek angkasa yang telah berjaya dilancarkan dan beroperasi di orbit.

"Aktiviti-aktiviti yang akan dilesenkan di bawah akta ini adalah membina atau membuat apa-apa objek angkasa, memiliki atau mengendalikan mana-mana fasiliti untuk integrasi dan pengujian objek angkasa serta memiliki atau mengendalikan mana-mana fasiliti pelancaran di dalam Malaysia," kata MOSTI.

Ruang angkasa boleh ditakrifkan sebagai ruang yang bermula dari ketinggian 100 kilometer (km) dari aras laut sehingga ke infiniti. Ia berbeza daripada ruang udara iaitu ruang di bawah ketinggian 100 km dari aras laut yang digunakan bagi tujuan penerbangan oleh sektor aeroangkasa yang dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) di bawah Akta Penerbangan Awam 1969.

MOSTI berkata penubuhan Lembaga Angkasa Malaysia bagi mengawal selia aktiviti berkaitan angkasa adalah bagi tujuan keselamatan, mengawal selia pendaftaran objek angkasa dan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berkaitan angkasa yang tertentu dan perkara yang berkaitan.

"Akta ini akan memastikan aktiviti angkasa negara dilaksanakan secara bertanggungjawab, selamat dan terjamin serta mematuhi segala garis panduan yang dipersetujui di peringkat antarabangsa terutamanya melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Angkasa Lepas (UNOOSA)," katanya.

Melalui akta itu, MOSTI berkata kerajaan dapat meratifikasi triti-triti angkasa dan melaksanakan obligasi di bawah kerangka perundangan antarabangsa yang akan memangkinkan peranan negara dalam penyelidikan dan pembangunan industri angkasa ke arah Ekonomi Angkasa Baharu.

MOSTI bekata akta itu diperlukan bagi melindungi kerajaan daripada liabiliti kerosakan yang disebabkan oleh sebarang objek angkasa seperti satelit, kapal angkasa, kenderaan pelancar dan lain-lain termasuk komponennya yang dilancarkan oleh rakyat Malaysia.

"Perlindungan ini dilaksanakan melalui pemindahan liabiliti dan tanggungjawab berkaitan kepada pemilik sebenar objek angkasa," katanya.

MOSTI berkata aspek keselamatan yang merangkumi keterjaminan atau 'spaceworthiness' terhadap keupayaan objek angkasa dari segi reka bentuk, aktiviti pelancaran dan keupayaan beroperasi dengan selamat di angkasa merupakan tumpuan utama pelaksanaan akta tersebut.

Akta itu juga akan memastikan aktiviti berkaitan angkasa yang dijalankan mematuhi semua peraturan dan syarat yang ditetapkan sama ada di bawah akta tersebut atau akta sedia ada negara seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Perdagangan Strategik 2010, katanya.

MOSTI berkata akta berkenaan akan dilaksanakan secara berperingkat melalui penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang merangkumi penubuhan pasukan teras Penguasa Angkasa dan Lembaga Angkasa Malaysia terlebih dahulu yang dijangka pada pertengahan tahun ini.

"Penguatkuasaan peruntukan-peruntukan lain yang terkandung dalam akta ini adalah selepas selesai penggubalan peraturan-peraturan yang diperlukan bagi penguatkuasaan sepenuhnya segala peruntukan yang terdapat dalam akta," katanya.

-- BERNAMA